

02/12/1999

DAP bimbang kemungkinan penubuhan negara Islam

GEORGETOWN, Rabu - DAP hari ini melahirkan kebimbangan mengenai kemungkinan penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia berikutan kejayaan Pas mengukuhkan kedudukan di Parlimen dan beberapa Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum kali ini.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang berkata, kedudukan Pas yang semakin kukuh akan mendorong Umno bersaing dengan parti itu melalui pelaksanaan pelbagai dasar Islam bagi menyaingi Pas.

Sehubungan itu, beliau meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno membuat ikrar secara terbuka bahawa Umno tidak akan memperkenalkan dasar Islam semata-mata untuk bersaing dengan Pas.

Kit Siang turut membidas MCA dan Gerakan kerana berkempen menggunakan isu pembentukan negara Islam hingga menakutkan pengundi Cina serta bukan Islam, sekali gus menyebabkan DAP kehilangan banyak kerusi.

"Jika kaum Cina tidak berubah menyokong MCA dan Gerakan pada pilihan raya lalu, kekuatan Pas di Parlimen dapat diimbangi oleh DAP, Keadilan dan PRM.

"Kira-kira sebulan lalu saya sudah memberi amaran kepada MCA dan Gerakan mengenai penjelasan mereka yang mengelirukan mengenai negara Islam anjuran Pas sehingga menyebabkan pengundi Cina menolak DAP," katanya sambil mengakui DAP kini semakin lemah.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di sini, hari ini, yang turut hadir Timbalan Pengerusi DAP negeri, Chong Eng.

Kit Siang yang masih kelihatan sugul berikutan kekalahannya di Parlimen Bukit Bendera dan DUN Kebun Bunga berkata, kemenangan besar Pas di DUN dan Parlimen akan mengukuhkan hasrat parti itu untuk mewujudkan negara Islam.

Beliau berkata, pembentukan Barisan Alternatif (BA) yang dianggotai DAP, Pas, Keadilan dan PRM pada pilihan raya kali ini adalah untuk menafikan majoriti dua pertiga Barisan Nasional (BN).

Katanya, pakatan itu berjuang bukan berdasarkan kepada penguasaan agama dan kaum tetapi lebih kepada keadilan, kebebasan, demokrasi dan pengurusan negara yang baik.

"Pengundi bukan Islam sepatutnya berasa bimbang kerana terpengaruh dengan isu negara Islam yang dimainkan Gerakan dan MCA sehingga DAP terpinggir daripada Parlimen dan arus perdana politik negara.

"Malah, keadaan yang berlaku sekarang (keputusan pilihan raya) membawa lebih dekat lagi kepada pengenalan dasar Islam yang mereka (bukan Islam) cuba elakkan sebelum ini," katanya.

Pada pilihan raya ke-10, Pas menang 27 kerusi Parlimen, DAP (10 kerusi), Keadilan (lima kerusi) dan PBS (tiga kerusi).

Sementara itu, Kit Siang berkata, kemenangan dua pertiga BN pada pilihan raya kali ini tidak meningkatkan keyakinan dalam pasaran sahama tempatan berikutan kejatuhan Indek Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), semalam.

Dalam dagangan akhir semalam, Indek Komposit BSKL jatuh 11.25 mata atau 1.5 peratus kepada 734.66 mata.

(END)